



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM  
KOMPLEKS PEJABAT DAERAH SABAK BERNAM  
45300 SUNGAI BESAR  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-3224 1963 / 1964 / 1967 / 1969 / 1971  
Faks : 03-3224 2178 (Pentadbiran), 03-3224 2404 (Pembangunan)  
: 03-3224 2113 (Kewangan)  
Email : sbernam@selangor.gov.my  
Portal : www.selangor.gov.my / sabakbernam.php

Ruj.Kami : Bil (06)d/m PTSB 600-9/9/2018  
Tarikh : 11 Rejab 1439  
29 Mac 2018

DITERIMA

02 APR 2018

Pengarah  
Tanah dan  
Galian Selangor

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

### KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA TENDER TERBUKA – LOT 8832, LOT 8834, LOT 8835 DAN LOT 8836 KAMPUNG BARU SITE A, PEKAN SEKINCHAN, DAERAH SABAK BERNAM

Dengan hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, kenyataan kaedah pelupusan secara tender terbuka ke atas Lot 8832, Lot 8834, Lot 8835 dan lot 8836 Kampung Baru Site A, Pekan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam akan dibuka mulai 3 April 2018.

3. Sehubungan itu, kerjasama Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk membuat hebahan kenyataan tersebut pada **3 April 2018** iaitu 1 (satu) bulan sebelum tarikh tutup kenyataan pada **2 Mei 2018** kepada orang awam melalui Laman Sesawang Jabatan Y.B. Dato'/Tuan/Puan selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil .3/2016 bertarikh 1 September 2016. Bersama –sama ini disertakan perkara yang berikut untuk tindakan Y.B. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya:-

- 3.1 Kenyataan Permohonan Pelupusan Tanah Secara Tender Terbuka
- 3.2 Pelan Lokasi

4. Kerjasama Y.B. Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD KHAIRUDDIN BIN MD. SOM A.M.N, A.M.S)**

Pentadbir Tanah Sabak Bernam

- s.k
- Pentadbir Tanah Sabak Bernam
  - Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
  - Ketua Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan) - untuk hebahan dalam laman sesawang
  - Semua Penghulu Mukim, Daerah Sabak Bernam



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM  
KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER**

**TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER KE ATAS TANAH SELUAS LEBIH KURANG 2403.84 METER PERSEGI KE ATAS LOT 8832, LOT 8834, LOT 8835 DAN LOT 8836 DI KAMPUNG BARU SITE A, PEKAN SEKINCHAN DAERAH SABAK BERNAM**

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Perihal tanah adalah seperti berikut:-

1. Lokasi Tanah : Lot 8832, Lot 8834, Lot 8835 dan Lot 8836 Kampung Baru Site A, Pekan Sekinchan Daerah Sabak Bernam
2. Pelan Tapak : **LAMPIRAN A**
3. Butiran Tanah :
  - a. Luas : 2403.84 meter persegi
  - b. Kegunaan yang akan dibenarkan : Bangunan Kediaman
  - c. Zoning : Kediaman (Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2015 (No warta 3720)
  - d. Dasar / polisi Kerajaan Negeri perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan.
    - i. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 1/2018 pada 6 Februari 2018 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil. 3/2016 dan dibaca bersama dengan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 1 September 2016.
    - ii. Perlu menyediakan cadangan jalan keluar masuk ke tapak yang dimaksudkan.
    - iii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi yang berminat, sila dapatkan borang permohonan **PB01/2010** dengan bayaran **RM5.00** dan **Dokumen Tender** dengan bayaran **RM50.00** daripada **Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam**. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENTADBIR TANAH SABAK BERNAM**  
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam  
45300 Sungai Besar  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Tutup : 2 MEI 2018 (sebelum 12.00 tengahari) - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

